

# Masa depan bahasa Melayu

## Orang politik diminta bertanggungjawab pastikan ia lestari dalam era globalisasi

Oleh Nazmi Yaakub  
nazmi@bharian.com.my

**S**EMINAR Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu Ke-4 mempertahankan ahli bahasa dan linguistik yang dituduh tidak menyumbang ke arah mempertahankan isu bahasa Melayu terutama isu papan tanda pelbagai bahasa, sebaliknya lebih banyak berseminar dan bernostalgia.

Ketua Eksekutif, Yayasan Karyawan, Datuk Dr Hassan Ahmad, menghangatkan suasana seminar dalam ucaptanya apabila mengambil peluang menjawab bidasan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, pada ucapan perasmianya.

"Ahli bahasa dan linguistik sudah pun menunaikan tanggungjawab mereka termasuk mencipta istilah, mengkaji sistem bahasa, tatabahasa dan ejaan, tetapi orang politik perlu bertanggungjawab apabila berlaku pelanggaran dalam aspek bahasa," katanya pada seminar anjuran Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, baru-baru ini.

Beliau mengingatkan semua pihak bahawa bahasa Melayu adalah salah satu daripada bahasa yang terbesar di dunia dan ia digunakan tidak hanya di Malaysia yang mempunyai lebih 20 juta pengguna, termasuk di rantau Majlis Bahasa Brunei-Indonesia-Malaysia

(Mabbim) dengan jumlah 780 juta penutur.

"Sekiranya hanya lima peratus menguasai bahasa ini pada peringkat tinggi, jumlah itu sudah menjadi tenaga luar biasa untuk mencipta ilmu dan teknologi. Saya ingin bertanya berapa orang yang mengetahui bahasa Inggeris di negara ini yang boleh menulis buku dan kertas kerja serta berceramah dalam bahasa Inggeris?" katanya ketika melapah *Bahasa Melayu dan Pemerksaan Masyarakat Malaysia dalam Era Globalisasi*.

Dr Hassan turut menepak orang Melayu yang termakan dan terpengaruh dengan momokan globalisasi sehingga mempercayai ia menentukan untung nasib negara ini, sekali gus sanggup meminggirkan budaya serta bahasa Melayu bagi memenuhi tuntutan itu.

"Orang yang mengatakan bangsa Melayu perlu mengubah acuan minda dan tidak lagi menjadi nasionalis kerana dunia sudah tidak mempunyai sempadan, sewajarnya bertanya pada diri sendiri, apakah Amerika Syarikat (AS) benar-benar mengamalkan perdagangan bebas atau ekonomi dunia kini betul-betul berdasarkan pasaran bebas.

"Rakyat Malaysia tidak kira di pekan atau kampung dikehendaki menguasai dan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa kemajuan kerana ia dianggap bahasa global sedangkan bahasa apakah yang digunakan oleh negara maju seperti Jepun



AFFENDI MOHAMED | BERITA HARIAN

SEBAHAGIAN peserta Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-4 di UPM, baru-baru ini.

dan Russia serta Eropah?" soalnya sinis.

Beliau turut meminta masyarakat Melayu untuk mengambil iktibar dari pada pengalamannya yang menetap di Perancis selama empat tahun apabila beliau menyaksikan rakyat negara itu yang mempelajari bahasa Inggeris, memilih memajukan bangsa mereka dengan menghasilkan karya sastera dan belajar sains dan matematik dalam bahasa Perancis.

"Saya percaya globalisasi juga ada positifnya, tetapi banyak juga yang tidak berfaedah dan sekiranya saudara membaca *Global Paradox* oleh John Naisbitt, beliau berkata, globalisasi menyebabkan seluruh dunia bersifat kesukuan dan lebih bersifat nasionalistik dalam mempertahankan identiti bangsa, selain menganggap globalisasi sebagai penjajahan baru.

"Pandangan Naisbitt itu sudah dilalui dunia Melayu lebih 400 tahun dulu, bermula 1511 apabila Melaka

diserang dan ditawan penjajah Portugis, Belanda serta Inggeris iaitu era perdagangan bebas ala kolonial sehingga Pelabuhan Melaka jatuh ke tangan mereka, politik Tanah Melayu dikuasai Barat dan pendidikan dikuasai bahasa Inggeris," katanya.

Selama 500 tahun, bangsa Melayu dikatakan bukan saja berjaya mengekalkan identiti dan bahasa, bahkan menyebarkan budaya Melayu, mempertahankan institusi kerajaan Melayu dan agama Islam sehingga menjadi anutan terbesar di rantau ini.

"Kita perlu sedar alat yang harus dipertahankan untuk menyelamat dan mengekalkan identiti sesuatu bangsa ialah bahasa, kepercayaan agama dan budaya fitrah yang bersifat supra wilayah yang bukan saja merentas sempadan etnik, bahkan dapat dibawa ke luar dari-pada wilayah Melayu.

"Budaya Melayu mewakili minda terbuka bangsa Melayu sehingga ia dapat kekal dan



**“**Mereka yang banyak menentu dan melaksanakan dasar negara ini tidak sedar kehebatan bahasa Melayu kerana tidak dididik dalam sejarah sosiobudaya dan sosiopolitik bahasa Melayu sehingga berasa ia tidak kuat serta tidak berupaya menjadi bahasa ilmu”

**Dr Hassan Ahmad**  
Ketua Eksekutif, Yayasan Karyawan

menyesuaikan diri dengan unsur daripada tamadun luar serta menolak unsur yang tidak serasi dengan kepercayaan dan ketamadunan bangsanya," tegasnya.

Dr Hassan meminta pihak yang was-was terhadap kemampuan bahasa Melayu untuk melihat sejarah bangsanya sebagai pedoman merancang masa depan negara itu.

yang luas dan tidak terbatas di kalangan pengguna asal bahasa itu, manakala penggunaannya melalui proses panjang.

"Ia turut membabitkan perdagangan di Pelabuhan Melaka dan penyebaran agama Islam sehingga bahasa Melayu mampu merentas sempadan etnik, daerah dan budaya tempatan untuk tampil sebagai bahasa supra etnik serta wilayah hingga mencapai kedudukan lingua franca," katanya.

Bahasa Melayu sudah membuktikan ia mampu berfungsi sebagai bahasa pasar untuk perdagangan di pelabuhan yang berlaku pada zaman kegemilangan Melaka, bahasa agama dan pentadbiran kerajaan, selain banyak karya agung Melayu ditulis dalam bahasa itu meskipun bukan semua ulama atau pengarangnya daripada bangsa berkenaan.

"*Hikayat Aceh* ditulis dalam bahasa Melayu dan bukannya Aceh, manakala surat Sultan Abu Hayat dari Ternate kepada Raja Portugis juga ditulis dalam bahasa Melayu pada 1521 dan 1522, menjadi bukti bahawa Melayu sudah menjadi bahasa diplomasi," katanya.

Malahan, bahasa Melayu sudah menjadi bahasa ilmu sewal zaman Srivijaya apabila mualigh China, Itsing, mencatat bahasa Melayu digunakan untuk mempelajari falsafah budhisme manakala negara naga mini, Jepun menitikberatkan sejarah bangsanya sebagai geografi sosiobudaya dan sosiopolitik bahasa itu